

**PERATURAN PERTANDINGAN
SUKAN SEPAK TAKRAW SUKAN SABAH (SAGA) XI, TAWAU 2025
(LELAKI DAN WANITA)**

1.0 PERATURAN AM

- 1.1 Selain daripada peraturan-peraturan yang terkandung, pertandingan ini akan dijalankan mengikut undang-undang pertandingan **Persekutuan Sepaktakraw Antarabangsa (ISTAF)** serta **Persatuan Sepaktakraw Malaysia (PSM)** yang berkuatkuasa pada ketika ini.
- 1.2 Sekiranya timbul sebarang perselisihan dari segi pentafsirannya, maka undang-undang dalam Bahasa Inggeris yang terkini akan dipatuhi.
- 1.3 Kejadian di luar dugaan dan tidak dinyatakan dalam peraturan atau undang-undang berkenaan akan diputuskan seperti berikut:
 - 1.3.1 Semua kejadian am akan diputuskan berasaskan kepada **Peraturan Am Sukan Sabah (SAGA) XI, Tawau 2025**.
 - 1.3.2 Sebarang perselisihan teknikal akan diputuskan berasaskan kepada Undang-undang **Persekutuan Sepaktakraw Antarabangsa (ISTAF)**.
- 1.4 Sebarang keputusan yang dibuat oleh Jawatankuasa Teknikal dan Pertandingan Sepak Takraw Sukan Sabah (SAGA) XI, Tawau 2025 adalah muktamad.

2.0 TARIKH PERTANDINGAN

- 2.1 Taklimat Pengurus Pasukan : **10 Oktober 2025**
- 2.2 Pertandingan : **11 hingga 17 Oktober 2025**.

3.0 TEMPAT PERTANDINGAN

- 3.1 Pertandingan ini akan diadakan di **Dewan Serbaguna Vision School, Tawau**

4.0 PENYERTAAN

- 4.1 Penyertaan adalah terbuka kepada semua pasukan daerah-daerah dalam Negeri Sabah.
- 4.2 Setiap daerah boleh mendaftarkan 1 pasukan sahaja terdiri daripada:

Jawatan	Lelaki	Wanita
Pengurus Pasukan	1 orang	1 orang
Jurulatih	1 orang	1 orang
Penolong Jurulatih	2 orang	2 orang
Peserta	14 orang	14 orang
Jumlah	18 orang	18 orang

4.3 Antara Regu 3 pemain:

4.3.1 Setiap pasukan terdiri daripada satu (1) Regu dengan lima (5) pemain.

4.3.2 Pemain yang bermain dalam Acara **Regu Double** tidak dibenarkan bermain dalam acara ini.

4.4 Antara Regu Double:

4.4.1 Setiap pasukan terdiri daripada satu (1) Regu dengan **tiga (3) orang pemain setiap Regu.**

4.4.2 Pemain yang bermain dalam **Acara Regu (3 Pemain)** tidak dibenarkan bermain dalam acara ini.

4.5 Antara Regu 4 Pemain (Quadrant)

4.5.1 Setiap Pasukan terdiri daripada satu (1) Regu dengan empat (6) orang pemain setiap Regu.

4.5.2 Pemain yang bermain dalam **Acara Regu (Pemain)** tidak dibenarkan bermain dalam acara ini.

4.6 Antara Pasukan :

4.6.1 **Peringkat Pusingan Kelayakan Berpasukan Sukan Sabah dan Temasya Sukan Sabah XI, Tawau setiap Pasukan terdiri daripada TIGA (3) REGU dengan sembilan (9) orang pemain dan lima (5) orang pemain simpanan. Jumlah 1 pasukan seramai EMPAT BELAS (14) orang pemain didaftarkan.**

5.0 KELAYAKAN PESERTA & JURULATIH

5.1 Hanya peserta yang lahir pada tahun **2005 hingga 2010** sahaja yang layak didaftarkan oleh semua pasukan.

5.2 Semua Pasukan hendaklah mengemukakan salinan Kad Pengenalan dan gambar berukuran Passport semasa pendaftaran peserta.

5.3 Sebarang pertukaran peserta/atlet atau pindaan/pertukaran kategori perlu mengisi **Borang Y** (pertukaran atlet) dan dihantar kepada Jawatankuasa Teknikal dan Pertandingan sebulan sebelum kejohanan bermula.

5.4 Pendaftaran dan kelayakan peserta adalah tertakluk kepada **Peraturan Am Perkara 4.8 dan 4.9.**

5.5 **Jurulatih Sepak Takraw setiap daerah perlu memiliki sekurang-kurangnya Sijil Kejurulatihan Sepak Takraw Tahap 1 (PSM) atau Sijil Sains Sukan Tahap 1 atau Sijil Asas Sukan Sepak Takraw.**

6.0 TAKLIMAT PENGURUS PASUKAN

6.1 Taklimat Pengurus Pasukan akan diadakan satu (1) hari sebelum pertandingan pertama dijalankan.

6.2 Pengurus-pengurus pasukan dikehendaki mengemukakan senarai nama peserta dengan

Kad Pengenalan. **Tambahan kepada bilangan peserta yang telah didaftarkan tidak dibenarkan.**

- 6.3 Senarai peserta yang disahkan semasa Taklimat Pengurus Pasukan adalah muktamad. Sebarang permohonan pertukaran/gantian peserta selepas Taklimat Pengurus Pasukan tidak dibenarkan.
- 6.4 Senarai pemain-pemain yang tidak melebihi empat belas (14) orang hendaklah disampaikan kepada Jawatankuasa Pengelola Sepak Takraw untuk pengesahan.
- 6.5 Taklimat Pengurus hanya akan dihadiri oleh Pengurus Pasukan yang berdaftar dan kehadiran jurulatih-jurulatih sebagai pemerhati sahaja.

7.0 ACARA-ACARA

- 7.1 Acara-acara yang dipertandingkan adalah seperti berikut:

Bil	Lelaki	Wanita
1	Regu 3 Pemain (Trio)	Regu 3 Pemain (Trio)
2	Regu 2 Pemain (Double)	Regu 2 Pemain (Double)
3	Regu 4 Pemain (Quadrant)	Regu 4 Pemain (Quadrant)
4	Berpasukan Regu 3 Pemain (Trio)	Berpasukan Regu 3 Pemain (Trio)

8.0 SISTEM PERTANDINGAN

- 8.1 Pusingan Kelayakan (Preliminary Round)

- 8.1.1 Penganjur akan menjalankan Pusingan Kelayakan diperingkat zon jika terdapat penyertaan lebih dari lapan (8) pasukan bagi setiap acara (**Antara Regu 3 Pemain, Antara Regu Double, Antara Regu Empat Pemain (Quadrant) dan Acara Berpasukan**).
- 8.1.2 Hanya lapan (8) pasukan sahaja layak ke peringkat akhir iaitu Johan setiap Zon dan Tuan Rumah Venue Sukan adalah layak secara automatik. Manakala penentuan satu naib johan sahaja akan dinilai seperti penentuan berikut:
- Sekiranya penyertaan **PENUH ATAU LEBIH DARI ZON LAIN** dari **salah satu Zon, Johan dan Naib Johan** akan layak ke Sukan Sabah XI Tawau 2025 dan
 - Sekiranya penyertaan **SEMUA ZON** mempunyai **JUMLAH BIL. PENYERTAAN DAERAH** yang **SAMA**. Maka penentuan melalui **Naib Johan Kumpulan** akan ditentukan melalui **agregat Mata (points)** yg tertinggi bagi melayakkan **salah satu** daerah ke Sukan Sabah (SAGA) XI, Tawau 2025.

- 8.2 Sistem Kiraan Mata

- 8.2.1 Semua acara akan menggunakan sistem kiraan mata terkini iaitu 15 Mata diguna pakai. (15-0,15-0) "Best of Three (3) set.
- 8.2.2 Semua perlawanan dimulakan mengikut masa dan jadual Pertandingan yang telah ditetapkan

8.3 Acara Regu 3 Pemain

- 8.3.1 Setiap pasukan hendaklah diwakili oleh satu (1) Regu sahaja.
- 8.3.2 Pertandingan antara Regu di peringkat awal akan dijalankan secara Liga satu (1) pusingan dalam dua (2) kumpulan, iaitu Kumpulan 'A' dan Kumpulan 'B'.
- 8.3.3 Johan dan Naib Johan di Sukan Sabah (SAGA) XI, Tawau 2025 akan menjadi Pasukan Pilihan atau 'Seeded'. Pasukan Johan akan mengetuai Kumpulan 'A', pasukan Naib Johan akan mengetuai Kumpulan 'B'. Pasukan-pasukan yang lain akan diundi bagi menentukan kumpulan masing-masing.
- 8.3.4 Pembahagian Kumpulan, undian-undian ataupun Jadual Perlawanan adalah tertakluk kepada budi bicara dan keputusan Jawatankuasa Pengelola Sepak Takraw Sukan Sabah (SAGA) XI, Tawau 2025.
- 8.3.5 Regu yang berjaya menjadi Pemenang Johan dan Naib Johan Kumpulan, adalah layak memasuki perlawanan Separuh Akhir yang akan dijalankan secara Kalah-Mati seperti Rajah Appendix 'A'.
- 8.3.6 Perlawanan Separuh Akhir dan perlawanan Akhir akan dijalankan secara kalah-mati.
- 8.3.7 Regu-regu yang menang pada perlawanan Separuh Akhir akan memasuki perlawanan Akhir bagi menentukan Johan dan Naib Johan, sementara Regu yang kalah akan diumumkan sebagai pemenang tempat ke-3.
- 8.3.8 Sekiranya selesai semua perlawanan dalam peringkat kumpulan, pungutan kiraan mata diperolehi adalah sama oleh dua (2) Regu, maka keputusan perlawanan awal antara dua (2) Regu berkenaan akan diambil kira bagi menentukan kedudukan pemenang.
- 8.3.9 Jika kiraan mata diperolehi sama oleh tiga (3) Regu atau lebih, maka kedudukannya akan ditentukan dengan kaedah berikut:
 - 8.3.9.1 Kiraan perbezaan Set daripada jumlah Set menang yang diperolehi oleh Regu berkenaan.
 - 8.3.9.2 Kiraan perbezaan mata (*points*) daripada jumlah angka-angka mata yang diperolehi oleh Regu berkenaan.
- 8.3.10 Sekiranya dengan kaedah diatas (Kaedah 8.3.9) terdapat pula dua (2) Regu sahaja, maka kedudukannya akan diasaskan dengan kaedah 8.3.8 sebelumnya.
- 8.3.11 Sebelum sesuatu perlawanan dimulakan, Regu yang akan bertanding hendaklah menyerahkan senarai barisan pemain-pemain termasuk pemain simpanan kepada Pengadil Rasmi bertugas dengan menggunakan borang yang disediakan.
- 8.3.12 Setiap Regu hendaklah berkesanggupan untuk bertanding lebih dari satu (1) perlawanan pada satu hari. Jika dijadualkan, maka tempoh rehat selama tidak kurang tiga puluh (30) minit akan diberi antara perlawanan berkenaan.

8.4 Acara Regu Double

- 8.4.1 Setiap Pasukan hendaklah diwakili oleh satu (1) Regu sahaja.
- 8.4.2 Pertandingan diperingkat awal akan dijalankan secara Liga satu (1) pusingan dalam dua (2) kumpulan, iaitu Kumpulan 'A' dan Kumpulan 'B'.
- 8.4.3 Johan dan Naib Johan di Sukan Sabah (SAGA) XI, Tawau 2025 akan menjadi Pasukan Pilihan atau 'Seeded'. Pasukan Johan akan mengetuai Kumpulan 'A', pasukan Naib Johan akan mengetuai Kumpulan 'B'. Pasukan-pasukan yang lain akan diundi bagi menentukan kumpulan masing-masing.
- 8.4.4 Pembahagian Kumpulan, undian-undian ataupun Jadual Perlawanan adalah tertakluk kepada budi bicara dan keputusan Jawatankuasa Pengelola Sepak Takraw Sukan Sabah (SAGA) XI, Tawau 2025.
- 8.4.5 Regu yang berjaya menjadi Johan dan Naib Johan Kumpulan, adalah layak memasuki perlawanan Separuh Akhir yang akan dijalankan secara Kalah-Mati seperti Rajah Appendix 'A'.
- 8.4.6 Perlawanan Suku Akhir dan perlawanan berikutnya yang dijalankan secara kalah-mati.
- 8.4.7 Regu-regu yang menang pada perlawanan Separuh Akhir akan memasuki perlawanan Akhir bagi menentukan Johan dan Naib Johan, sementara Regu yang kalah akan diumumkan sebagai pemenang tempat ke-3
- 8.4.8 Sekiranya selesai semua perlawanan dalam peringkat kumpulan, pungutan kiraan mata diperolehi adalah sama oleh dua (2) Regu, maka keputusan perlawanan awal antara dua (2) Regu berkenaan akan diambil kira bagi menentukan kedudukan Pemenang.
- 8.4.9 Jika kiraan mata diperolehi sama oleh tiga (3) Regu atau lebih, maka kedudukannya akan ditentukan dengan kaedah berikut:
 - 8.4.9.1 Kiraan perbezaan Set daripada jumlah Set menang yang diperolehi oleh Regu berkenaan.
 - 8.4.9.2 Kiraan perbezaan Mata (*points*) daripada jumlah angka-angka mata yang diperolehi oleh Regu berkenaan.
- 8.4.10 Sekiranya dengan kaedah diatas (Kaedah 8.3.9) terdapat pula dua (2) Regu sahaja, maka kedudukannya akan diasaskan dengan kaedah 8.3.8 sebelumnya.
- 8.4.11 Sebelum sesuatu perlawanan dimulakan, Regu yang akan bertanding hendaklah menyerahkan senarai barisan pemain-pemain termasuk pemain simpanan kepada Pengadil Rasmi bertugas dengan menggunakan borang yang disediakan.
- 8.4.12 Setiap Regu hendaklah berkesanggupan untuk bertanding lebih dari satu (1) perlawanan pada satu hari. Jika dijadualkan, maka tempoh rehat selama tidak kurang tiga puluh (30) minit akan diberi antara perlawanan berkenaan.

8.5 Acara Regu Berempat (Quadrant)


- 8.5.1 Setiap Pasukan hendaklah diwakili oleh satu (1) Regu sahaja.
- 8.5.2 Pertandingan diperingkat awal akan dijalankan secara Liga satu (1) pusingan dalam dua (2) kumpulan, iaitu Kumpulan 'A' dan Kumpulan 'B'.
- 8.5.3 Pembahagian Kumpulan, undian-undian ataupun Jadual Perlawanan adalah tertakluk kepada budi bicara dan keputusan Jawatankuasa Pengelola Sepak Takraw Sukan Sabah (SAGA) XI, Tawau 2025.
- 8.5.4 Regu yang berjaya menjadi Johan dan Naib Johan Kumpulan, adalah layak memasuki perlawanan Separuh Akhir yang akan dijalankan secara Kalah-Mati seperti Rajah Appendix 'A'.
- 8.5.5 Perlawanan Suku Akhir dan perlawanan berikutnya yang dijalankan secara kalah-mati.
- 8.5.6 Regu-regu yang menang pada perlawanan Separuh Akhir akan memasuki perlawanan Akhir bagi menentukan Johan dan Naib Johan, sementara Regu yang kalah akan diumumkan sebagai pemenang tempat ke-3
- 8.5.7 Sekiranya selesai semua perlawanan dalam peringkat kumpulan, pungutan kiraan mata diperolehi adalah sama oleh dua (2) Regu, maka keputusan perlawanan awal antara dua (2) Regu berkenaan akan diambil kira bagi menentukan kedudukan Pemenang.
- 8.5.8 Jika kiraan mata diperolehi sama oleh tiga (3) Regu atau lebih, maka kedudukannya akan ditentukan dengan kaedah berikut:
 - 8.5.8.1 Kiraan perbezaan Set daripada jumlah Set menang yang diperolehi oleh Regu berkenaan.
 - 8.5.8.2 Kiraan perbezaan Mata (*points*) daripada jumlah angka-angka mata yang diperolehi oleh Regu berkenaan.
- 8.5.9 Sekiranya dengan kaedah diatas (Kaedah 8.3.9) terdapat pula dua (2) Regu sahaja, maka kedudukannya akan diasaskan dengan kaedah 8.3.8 sebelumnya.
- 8.5.10 Sebelum sesuatu perlawanan dimulakan, Regu yang akan bertanding hendaklah menyerahkan senarai barisan pemain-pemain termasuk pemain simpanan kepada Pengadil Rasmi bertugas dengan menggunakan borang yang disediakan.
- 8.5.11 Setiap Regu hendaklah berkesanggupan untuk bertanding lebih dari satu (1) perlawanan pada satu hari. Jika dijadualkan, maka tempoh rehat selama tidak kurang tiga puluh (30) minit akan diberi antara perlawanan berkenaan.

8.6 Acara Berpasukan

- 8.6.1 Pertandingan antara Pasukan di peringkat awal akan dijalankan secara Liga satu (1) pusingan dalam dua (2) Kumpulan, iaitu Kumpulan 'A' dan Kumpulan 'B'.
- 8.6.2 Johan dan Naib Johan di Sukan Sabah (SAGA) XI, Tawau 2025 akan menjadi Pasukan Pilihan atau 'Seeded'. Pasukan Johan akan mengetuai Kumpulan 'A', pasukan Naib Johan akan mengetuai Kumpulan 'B'. Pasukan-pasukan yang lain akan diundi bagi

menentukan kumpulan masing-masing.

- 8.6.3 Pasukan-pasukan yang berjaya menjadi Johan dan Naib Johan Kumpulan, adalah layak memasuki perlawanan Separuh Akhir yang akan dijalankan secara Kalah-Mati seperti rajah perlawanan berikut :



- 8.6.4 Perlawanan separuh akhir dan perlawanan berikutnya yang dijalankan secara kalah-mati, mana-mana Pasukan yang memenangi lawannya dengan 2 Regu berturutan, maka perlawanan bagi Regu ke-3 tidak akan diadakan lagi.
- 8.6.5 Pasukan-pasukan yang menang pada perlawanan Separuh Akhir akan memasuki perlawanan Akhir bagi menentukan Johan dan Naib Johan, sementara pasukan-pasukan yang kalah akan diumumkan sebagai pemenang tempat ke-3.
- 8.6.6 Pertandingan akan mengandungi tiga (3) Regu Perlawanan iaitu; Regu 1, Regu 2, Regu 3, dan akan dijalankan dengan tertib menurut senarai Regu atau barisan pemain-pemain yang telah diserahkan oleh pasukan-pasukan kepada Pengadil Rasmi 15 minit sebelum sesuatu perlawanan dimulakan.
- 8.6.7 Mana-mana Pasukan yang memenangi lawannya sama ada 3-0 atau 2-1 mendapat dua (2) mata manakala pasukan yang kalah tidak mendapat sebarang mata (0).
- 8.6.8 Sekiranya selesai semua perlawanan dalam sesuatu kumpulan, kiraan mata diperolehi sama oleh dua (2) pasukan sahaja, maka keputusan Perlawanan Awal antara dua (2) Pasukan berkenaan akan diambil kira bagi menentukan kedudukan Pemenang.
- 8.6.9 Jika kiraan mata diperolehi sama oleh tiga (3) pasukan atau lebih, maka kedudukannya akan ditentukan dengan kaedah berikut:
- 8.6.9.1 Kiraan perbezaan Regu daripada jumlah Regu menang yang diperolehi oleh pasukan berkenaan.
 - 8.6.9.2 Kiraan perbezaan Set daripada jumlah Set menang yang diperolehi oleh pasukan berkenaan.
 - 8.6.9.3 Kiraan perbezaan mata (*points*) daripada jumlah Angka-angka mata yang diperolehi oleh Regu berkenaan.
- 8.6.10 Sekiranya dengan kaedah diatas (Kaedah 8.4.9) terdapat pula dua (2) pasukan sahaja, maka kedudukannya akan diasaskan dengan kaedah 8.4.8 sebelumnya.
- 8.6.11 Sebelum sesuatu perlawanan dimulakan, Regu/Pasukan yang akan bertanding hendaklah menyerahkan Senarai Regu/Pasukan atau barisan pemain-pemain termasuk pemain simpanan kepada Pengadil Rasmi bertugas dengan menggunakan borang yang disediakan.
- 8.6.12 Setiap Regu/Pasukan hendaklah berkesanggupan untuk bertanding lebih dari satu (1) perlawanan pada satu hari. Jika dijadualkan, maka tempoh rehat selama tidak kurang tiga puluh (30) minit akan diberi antara perlawanan berkenaan.
- 8.6.13 Seorang (1) pemain hanya boleh bermain bagi satu Regu sahaja dalam sesuatu perlawanan.
- 8.6.14 Pembahagian Kumpulan, undian-undian ataupun Jadual Perlawanan adalah tertakluk kepada budi bicara dan keputusan Jawatankuasa Pengelola Sepak Takraw Sukan Sabah (SAGA) XI, Tawau 2025.

9.0 PAKAIAN

- 9.1 Selain daripada tercatat dalam undang-undang permainan, maka setiap pasukan hendaklah menyediakan sekurang-kurangnya dua (2) set jersi berlainan warna. Jika terdapat sebelum sesuatu perlawanan dimulakan, pasukan berkaitan memakai jersi yang sama warnanya, maka pasukan yang disenaraikan dahulu dalam Jadual Perlawanan dikehendaki menukar jersi tersebut.
- 9.2 Bagi pemain lelaki, pemakaian seluar '*Track Bottom*' dan seluar $\frac{3}{4}$ '*Track Bottom*' adalah tidak dibenarkan. Pemakaian '*skin-tight*' adalah dibenarkan.
- 9.3 Bagi pemain wanita pemakaian '*Track Bottom*' adalah dibenarkan.
- 9.4 Semua pemain dalam sesuatu pasukan hendaklah berjersi seragam dan bernombor yang kekal yang telah didaftarkan di sepanjang kejohanan ini. Nombor-nombor jersi bagi setiap Pasukan/Regu hendaklah dari nombor 1 hingga 36 sahaja.
- 9.5 Bagi kejohanan ini, logo penaja adalah dibenarkan dijahit atau dilekatkan dengan kemas pada jersi, iaitu diatas daripada nombor.
- 9.6 Semua Jurulatih/Pengurus yang mengawasi Pasukan/Regu bermain dan berada di kawasan gelanggang hendaklah berpakaian kemas. Memakai seluar pendek atau berselipar adalah tidak dibenarkan.
- 9.7 Semua pegawai dan pemain yang menyertai kejohanan ini hendaklah mematuhi Peraturan Tetap kaedah berpakaian pegawai dan pemain.

10.0 MENARIK DIRI

- 10.1 Regu/Pasukan yang terlewat lima belas (15) minit daripada masa yang dijadualkan akan dianggap memberi kemenangan tanpa bertanding, kecuali dengan alasan yang munasabah.
- 10.2 Menarik diri (*walk-over*) sama sekali tidak dibenarkan. Jika ianya berlaku, Regu/Pasukan yang menarik diri itu tidak dibenarkan menyertai pertandingan seterusnya.
- 10.3 Keputusan-keputusan pertandingan terdahulu yang melibatkan pasukan yang menarik diri (sistem Liga) tidak diambil kira.

11.0 PENGARAH PERTANDINGAN & DELEGAT TEKNIKAL

- 11.1 Persatuan Sepak Takraw Sabah (ASTAKA) akan melantik Ketua Delegat Teknikal, Delegat-delegat Teknikal dan Pegawai-Pegawai Teknikal bagi mengendalikan Sukan Sabah (SAGA) XI, Tawau 2025.

12.0 JADUAL DAN TEMPAT PERTANDINGAN

- 12.1 Jadual dan tempat pertandingan akan ditetapkan oleh Jawatankuasa Pengelola dan akan diedarkan kepada semua pasukan pada masa Taklimat Pengurus Pasukan yang akan diadakan sebelum pertandingan pertama bermula.
- 12.2 Jadual Pertandingan yang telah ditetapkan oleh Jawatankuasa Pengelola adalah muktamad.

- 12.3 Walaubagaimanapun, Jawatankuasa Pengelola mempunyai kuasa mutlak untuk menangguhkan mana-mana perlawanan dengan memberitahu terlebih dahulu kepada Pasukan yang terlibat.

13.0 TATATERTIB & PENGGANTUNGAN

- 13.1 Semua Pengurus/Jurulatih dan pemain-pemain yang berdaftar dikehendaki menyertainya dengan penuh semangat kesukanan dan muhibah, disamping menghormati dan mematuhi segala undang-undang dan peraturan yang ditentukan.
- 13.2 Mana-mana pemain yang telah diberi amaran dengan dua (2) Kad Kuning oleh Pengadil bertugas dengan sendirinya digantung satu (1) perlawanan berikutnya.
- 13.3 Mana-mana pemain yang menerima Kad Merah daripada Pengadil bertugas yang diarah keluar gelanggang, dan tindakan tatatertib akan diambil ke atasnya. Pemain berkenaan tidak dibenarkan bermain dalam pertandingan berikutnya sehingga Jawatankuasa Tatatertib Persatuan Sepak Takraw Sabah (ASTAKA) mengambil sesuatu keputusan.

14.0 BANTAHAN/RAYUAN

- 14.1 Semua bantahan/rayuan hendaklah dikemukakan secara bertulis oleh Pengurus Pasukan yang berdaftar sahaja kepada Juri Rayuan tidak lewat daripada 1 jam selepas tamat perlawanan berkaitan.
- 14.2 Tiap-tiap bantahan/rayuan hendaklah disertakan dengan wang tunai sebanyak **RM200.00** sahaja.
- 14.3 Wang pertaruhan ini akan lupus jika bantahan/rayuan yang dikemukakan itu didapati tidak wajar.

15.0 JURI RAYUAN

- 15.1 Juri Rayuan akan dianggotai oleh:
- | | | | |
|--------|---------------------|---|---|
| 15.1.1 | Seorang Pengerusi | : | Pengerusi Jawatankuasa Pengelola Sepak Takraw atau wakilnya. |
| 15.1.1 | Seorang Setiausaha | : | Setiausaha Jawatankuasa Pengelola Sepak Takraw atau wakilnya. |
| 15.1.2 | Lima (5) orang Ahli | : | Wakil Persatuan Sepak Takraw, Ketua Delegat Teknikal atau wakilnya dan tiga (3) orang pengurus-pengurus pasukan yang tidak terlibat dengan bantahan/rayuan. |
- 15.2 Juri Rayuan akan bersidang dalam masa dua (2) jam setelah menerima bantahan/rayuan yang dibuat oleh pasukan-pasukan dan menyampaikan keputusannya kepada Jawatankuasa Pengelola untuk diumumkan.
- 15.3 Mesyuarat Juri Rayuan (Jika ada) hendaklah menjemput pengurus-pengurus pasukan yang terlibat dengan bantahan/rayuan bagi mendapatkan penerangan daripada mereka dengan tujuan membela diri.

- 15.4 Sebarang keputusan yang telah diumumkan oleh Jawatankuasa Pengelola mengenai bantahan/rayuan ini adalah muktamad

16. HADIAH-HADIAH

- 16.1 Pingat-pingat akan disediakan seperti berikut:

Bil	Acara	Kategori Lelaki			Kategori Wanita		
		Emas	Perak	Gangsa	Emas	Perak	Gangsa
1	Regu (3 Pemain)	1 (5)	1 (5)	2 (10)	1 (5)	1 (5)	2 (10)
2	Regu (Double)	1 (3)	1 (3)	2 (6)	1 (3)	1 (3)	2 (6)
3	Regu (Quadrant)	1(6)	1(6)	2(12)	1(6)	1(6)	2(12)
4	Antara Pasukan	1 (15)	1 (15)	2 (30)	1 (15)	1 (15)	2 (30)
Jumlah		4 (29)	4 (29)	8 (58)	4 (29)	4 (29)	8 (58)

- 16.2 Pemberian pingat-pingat kemenangan adalah tertakluk kepada **Peraturan Tetap Perkara 14.3.**